

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ**  
**[ SUNGAI SIPUT ]**  
**TARIKH : 1 APRIL 2015**  
**SOALAN :**

**YB Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan deposit yang dikenakan terhadap pekerja asing yang dimasukkan ke hospital Kerajaan. Apakah risikonya protokol menghendaki bayaran deposit untuk dimasukkan ke hospital akan meningkatkan merebaknya penyakit berjangkit di kalangan masyarakat kita.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Deposit yang dikenakan ke atas pesakit warga asing yang mendapatkan rawatan di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah di antara RM600.00 sehingga RM3,300.00 mengikut kelas wad dan kategori rawatan yang diperlukan. Ini adalah bagi memastikan caj yang dikenakan dapat dikutip.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Menurut Perintah Fi (Perubatan) 1982, **pengecualian bayaran perkhidmatan hospital KKM diberi kepada semua pesakit yang menghidap penyakit berjangkit bagi rawatan di Wad Kelas Tiga dan perkhidmatan pesakit luar termasuklah penyiasatan. Pengecualian bayaran ini meliputi pesakit yang disahkan (*confirmed cases*) menghidap penyakit berjangkit, kontak bagi kes penyakit berjangkit, surveilan, pemerhatian dan rawatan berkaitan penyakit berjangkit. Pengecualian bayaran juga dipanjangkan kepada pesakit yang telah didiscaj daripada wad daripada membayar caj rawatan susulan di klinik pesakit luar.**

Pengecualian ini boleh dilihat sebagai usaha Kerajaan mengurangkan beban dan penderitaan pesakit serta menggalakkan pesakit dan kontak mereka untuk mendapatkan rawatan. Dengan ini, mereka tiada sebab untuk berdiam diri tanpa berbuat apa-apa. Namun begitu, penghantaran pesakit pulang ke negara asal bergantung kepada polisi kawalan penyakit berjangkit KKM dan peraturan-peraturan imigresen yang berkaitan.

Notifikasi awal kepada Pejabat Kesihatan Daerah berkenaan kes dan kontak membantu pihak KKM melaksanakan pengesanan awal dan langkah-langkah pencegahan penyakit daripada menular di dalam komuniti. Kejayaan pencegahan penyakit ini amat memerlukan kerjasama pesakit dan waris serta kolaborasi dengan pihak majikan, kedutaan negara terbabit dan pertubuhan bukan Kerajaan yang berkaitan.